

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN

BILANGAN 4 TAHUN 2019

PENGESAHAN KESAHIHAN PERINTAH MAHKAMAH

Arahan ini dikeluarkan untuk memaklumkan Pendaftar Hakmilik dan Pentadbir Tanah mengenai tatacara untuk membuat pengesahan kesahihan perintah yang dimeterai mahkamah tanpa mendapat pengesahan daripada mahkamah.

2. Terdapat situasi di mana Pendaftar Hakmilik dan Pentadbir Tanah meminta individu yang mengemukakan permohonan untuk melaksanakan Perintah dimeterai mahkamah mendapatkan pengesahan berkenaan kesahihan dokumen tersebut terlebih dahulu sebelum permohonan itu diproses dan dilaksanakan di Pejabat Pendaftar Hakmilik dan Pejabat Tanah dan Jajahan.
3. Bagi tujuan pengesahan tersebut, Bahagian Pendaftaran di Pejabat Pendaftar Hakmilik dan Pejabat Tanah dan Jajahan boleh mengesahkan sendiri kesahihan dokumen tersebut dengan cara yang berikut:
 - 3.1 Akses kepada pautan "Pengesahan Dokumen" di eCourts portal berikut:
<https://ecourtservices.kehakiman.gov.my/Document/Verifier/?cultureCode=ms>
 - 3.2 Masukkan "*Serial Number (S/N)*" yang tertera di bahagian bawah setiap helaian perintah mahkamah di dalam kotak "*Document Serial Number/No. Siri Dokumen*"
 - 3.3 Tekan "*Retrieve/Sahkan*".
4. Jika *Serial Number/No. Siri Dokumen* yang dimasukkan adalah betul, maka perintah mahkamah tersebut akan dipaparkan dalam pautan tersebut. Oleh itu, pihak tuan dinasihatkan untuk menyemak setiap helaian perintah mahkamah

tersebut dan memastikan perintah tersebut mempunyai meterai mahkamah dan tandatangan.

5. Arahan ini adalah berkuatkuasa serta merta dan Pendaftar Hakmilik serta Pentadbir Tanah Jajahan hendaklah memastikan arahan ini dilaksanakan.



(DATO' SR. HAJI ZAMRI BIN HAJI ISMAIL), D.P.S.K (Kelantan), K.M.N
Pengarah Tanah dan Galian
Negeri Kelantan.

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3, KOTA DARULNAIM
15576 KOTA BHARU

FAIL NO. : PTG.KN. 32/69 Jld (4)
BERTARIKH : 21 Ramadhan 1440H
26 Mei 2019

KEPADA:

Yang Mulia Dato' Tengku/ Yang Amat Berusaha
Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan

SALINAN KEPADA:

1. YAB Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Kelantan
2. YB Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan
3. YB Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
4. YB Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
5. YB Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
6. YABrs. Pengarah Audit Negeri Kelantan
7. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kelantan.